

# Gates: Komputer masa depan lebih berwibawa

Oleh MOHD. RIDZWAN MD. IMAN

**P**UTRAJAYA 29 Jun - Pengerusi dan Ketua Arkitek Perisian Microsoft Corporation, Bill Gates berkata, komputer masa depan akan lebih berwibawa dan boleh diharap seperti sistem bekalan elektrik dan air.

Beliau berkata, selain itu, komputer juga akan menjadi lebih semula jadi dan mudah digunakan dengan penggunaan teknologi dakwat digital, pengenalan suara, alat kawalan jauh dan papan kekunci.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan komputer kini telah dirangkaikan ke seluruh dunia, ia telah terdedah kepada pelbagai masalah dan ancaman yang menjejaskan usaha melahirkan komputer berwibawa dan mesra pengguna.

"Masalah e-mel palsu, kebanjiran (flooding), pengintipan, pencurian data dan sebagainya menjadikan keselamatan sebagai cabaran penting untuk melahirkan komputer sedemikian," katanya ketika me-

nyampaikan ucapatama sempena Hari Inovasi Microsoft Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya, di sini hari ini.

Katanya, komputer masa dahulu yang tidak disambungkan ke mana-mana semanganya lebih selamat tetapi kita tidak mahu mengeneipkan kepentingan rangkaian seperti Internet atas alasan keselamatan kerana ia memberi banyak faedah.

Gates berkata, Microsoft kini sedang berusaha untuk melahirkan komputer yang berwibawa dengan melancarkan pelbagai inisiatif seperti pengkomputeran boleh dipercayai.

"Selain itu, Microsoft dengan kerjasama rakan teknologi juga sedang berusaha melahirkan wawasan pengkomputeran selari (seamless computing) yang mampu membantu pengguna menguruskan maklumat dan menikmati hiburan digital dengan mudah," tambahnya.

Beliau berkata, inisiatif itu yang dikenali sebagai 'perkhidmatan web' akan membolehkan kesemua peranti elektronik seperti komputer, telefon, televisyen,

komputer poket dan sebagainya berhubung antara satu sama lain.

"Kita kini hidup dalam dunia yang mana kesemua yang kita lakukan telah berubah disebabkan pengaruh pengkomputeran.

"Komputer-komputer telah beralih dari komputer meja dan memasuki hidup kita - di dalam kereta, bilik tamu dan juga poket," katanya.

Katanya, melalui 'perkhidmatan web', kesemua peralatan itu akan menggunakan satu platform dengan standard XML yang telah dilaksanakan Microsoft melalui pembangunan pelbagai produknya seperti Tablet PC, Microsoft Office System, Smartphones dan sebagainya.

Pada majlis yang dihadiri oleh kira-kira 3,000 orang itu, Gates juga telah melancarkan Program Masyarakat TechNet Connection iaitu program yang ditujukan kepada golongan profesional teknologi maklumat (IT) seperti ahli akademik, usahawan IT, pembangun perisian dan pengguna IT tinggi.



ABDULLAH AHMAD BADAWI berbincang dengan Bill Gates semasa Pengerusi dan Ketua Arkitek Perisian Microsoft itu membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya, semalam. — Gambar BERNAMA